

PANDUAN PEMERIKSAAN
BAHAGIAN A
&
BAHAGIAN B

BAHAGIAN A**TEMA – KEPEMIMPINAN**

- Melibatkan kemampuan seseorang pemimpin untuk mengurus dan mempengaruhi individu lain supaya melakukan apa-apa yang dikehendaki dalam usaha mencapai matlamat.

TUGASAN - Kepemimpinan yang baik (Dalam Bahan Rangsangan)

1. Pemimpin yang berilmu.
2. Pemimpin yang berakhlak mulia.
3. Pemimpin yang menjadi harapan bangsa.
4. Memiliki kesabaran yang kental dalam menghadapi kerenah rakyat.
5. Pemimpin yang sentiasa berusaha menjalankan kewajibannya demi rakyat.
6. Nama pemimpin berserta gelarannya.
 - Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Bapa Kemerdekaan Malaysia)
Perdana Menteri Malaysia Pertama
 - Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein (Bapa Pembangunan Malaysia)
Perdana Menteri Malaysia Kedua
 - Tun Hussein bin Dato' Sir Onn (Bapa Perpaduan Malaysia)
Perdana Menteri Malaysia Ketiga
 - Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Bapa Pemodenan Malaysia)
Perdana Menteri Malaysia Keempat
 - Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi (Bapa Pembangunan Modal Insan Malaysia)
Perdana Menteri Malaysia Kelima

CATATAN

1. Jika calon hanya menyentuh satu atau dua isi yang ada dalam bahan tetapi dihuraikan dengan jelas berdasarkan tema. – **PERIKSA SEPERTI BIASA**
2. Jika calon tidak menggunakan isi-isi yang ada dalam bahan. – **PERINGKAT MEMUASKAN**
3. Jika calon tidak menggunakan **CONTOH** yang diberi dalam bahan rangsangan, iaitu nama dan gelaran Perdana Menteri Malaysia. – **PERINGKAT KEPUJIAN**

BAHAGIAN B

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1 DOMAIN PERIBADI

Menghiasi Taman Negara Mulu ialah Gunung Mulu yang merupakan gunung batu pasir setinggi kira-kira 2377 meter dan mempunyai sejarah yang berusia lebih daripada 1.5 juta tahun lamanya. Gunung Mulu juga telah diisytiharkan sebagai salah satu tapak warisan dunia pada tahun 2000 oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga dikenali sebagai *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO).

Sumber: *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*, halaman 76

SOALAN

Sebagai pelancong, kita mempunyai pelbagai tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar antaranya adalah dengan menjaga kelestarian alam sekitar.

Ulas pernyataan di atas.

KEHENDAK SOALAN

1. Calon perlu menerangkan tanggungjawab pelancong untuk menjaga kelestarian alam sekitar.
2. Jawapan haruslah dari sudut pandangan diri sebagai seorang pelancong.
3. Jika calon tidak merujuk diri sebagai pelancong. – **PERINGKAT KEPUJIAN**
4. Calon perlu menyentuh maklumat yang diberikan dalam mana-mana perenggan. (ikut kesesuaian)

CADANGAN JAWAPAN

Tanggungjawab pelancong menjaga kelestarian alam sekitar.

1. Tidak mencemarkan alam sekitar di tempat atau di negara yang dilawati.
2. Menjaga kebersihan dan keindahan alam sekitar supaya tidak tercemar agar dapat dinikmati generasi akan datang.
3. Tidak merosakkan harta benda awam di negara tersebut.
4. Sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan di tempat-tempat pelancongan terutamanya yang melibatkan ekopelancongan.
5. Melaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat pencemaran atau kerosakan alam sekitar sehingga merosakkan kelestariannya.
6. Bersama-sama menjayakan Kempen Melestarikan Alam Sekitar.

* **TERIMA MANA-MANA ISI YANG RELEVAN**

2 DOMAIN AWAM

“Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut merekodkan bilangan kes sembuh Covid-19 sebanyak 2,726 kes sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah 97,218 kes.

“Bagaimanapun, terdapat pertambahan 11 kematian hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah sebanyak 494 kes atau 0.41 peratus.

“Sehingga kini, terdapat 124 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), di mana 51 kes memerlukan bantuan pernafasan,” katanya.

Sumber: *Harian Metro Online*, 3 Januari 2021

SOALAN

Penularan wabak Covid-19 semakin hari semakin meningkat di Malaysia. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, huraikan langkah-langkah yang berkesan untuk memastikan wabak tersebut tidak terus merebak dalam kalangan masyarakat.

Tulis karangan anda selengkapnya.

KEHENDAK SOALAN

1. Calon perlu menerangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh mereka sebagai rakyat untuk memastikan wabak Covid-19 tidak terus merebak dalam kalangan masyarakat.
2. Sekiranya calon melibatkan pihak lain seperti langkah kerajaan, media massa, dan pihak swasta tetapi menyatakan rakyat sebagai fokus utama. – **PERIKSA SEPERTI BIASA**
3. Sekiranya calon hanya menyatakan langkah pihak lain selain rakyat sebagai fokus utama. – **PERINGKAT KEPUJIAN**
4. Calon perlu menyentuh maklumat yang diberikan dalam mana-mana perenggan. (ikut kesesuaian)

CADANGAN JAWAPAN

Langkah-langkah yang berkesan untuk memastikan wabak Covid-19 tidak merebak dalam kalangan masyarakat.

1. Kesedaran dalam diri sendiri.
2. Rakyat mematuhi setiap arahan daripada pihak kerajaan atau pihak berkuasa.
3. Perlu mengubah cara hidup dan bekerja mengikut norma baharu.
4. Rakyat hendaklah sentiasa mengikuti perkembangan berkaitan penularan wabak Covid-19 ini melalui media massa dan media elektronik sebagai salah satu cara pencegahan.
5. Rakyat hendaklah memberi kerjasama dengan mendapatkan maklumat dan mematuhi arahan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

***TERIMA MANA-MANA ISI YANG RELEVAN**

3 DOMAIN PENDIDIKAN

Terdapat pelbagai karya kreatif yang diminati oleh para remaja masa ini. Namun novel agak terkehadapan kerana mempunyai permintaan yang tinggi dibandingkan dengan karya kreatif yang lain seperti puisi dan drama. Karya sastera seperti novel sebenarnya adalah sulit dan rahsia, disulit dan dirahsiakan oleh sasterawan melalui wadah yang membentuk karyanya kerana makna kehidupan itu sendiri pun adalah sulit dan rahsia. Hanya kepada "orang-orang yang suka berfikir" yang benar-benar dapat merasai keindahan, kenikmatan dan kebenaran sastera dapat menikmatinya.

Sumber: *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu*

SOALAN

Karya sastera banyak memberi manfaat kepada pembaca. Melalui karya sastera juga, nilai-nilai murni dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat. Oleh sebab itu, anda ingin menulis rencana tentang kebaikan-kebaikan mempelajari karya sastera.

Tulis rencana anda selengkapnya.

KEHENDAK SOALAN

1. Calon perlu menulis karangan berformat, iaitu rencana yang bertajuk 'Kebaikan-kebaikan Mempelajari Karya Sastera'.
2. Calon perlu menulis tentang kebaikan-kebaikan mempelajari karya sastera.
3. Karya-karya sastera adalah seperti puisi, cerpen, novel, dan lain-lain.
4. Calon boleh memilih satu karya sastera dan menerangkan kebaikan mempelajarinya atau calon boleh memberikan beberapa karya sastera dan menerangkan kebaikan mempelajarinya.
5. Kebaikan-kebaikan mempelajari karya sastera adalah kepada diri sendiri, masyarakat atau negara (**lain-lain yang difikirkan sesuai**).
6. Sekiranya calon menulis kebaikan kepada satu pihak sahaja. – **PERINGKAT KEPUJIAN**
7. Jika calon tidak menulis karangan mengikut format rencana atau tersalah format.
– **PERINGKAT KEPUJIAN**
8. Calon perlu menyentuh maklumat yang diberikan dalam mana-mana perenggan. (**ikut kesesuaian**)

CADANGAN JAWAPAN

Karangan berformat : Rencana

Tajuk : Kebaikan-kebaikan Mempelajari Karya Sastera

Oleh :

Kebaikan mempelajari karya sastera

1. Kita akan memperoleh pelbagai pengajaran dan nilai murni yang berguna.
2. Memupuk rasa kasih dan cinta akan bahasa ibunda atau bahasa sastera.
3. Mempelajari sastera dapat melahirkan generasi yang bersemangat dan berani.
4. Mempelajari sastera dapat memperluas perbendaharaan kata terutamanya murid sekolah.
5. Pembaca dapat mengenali dan menghargai bakat-bakat penulis negara sekali gus turut mendorong pembaca untuk turut sama menulis.
6. Karya sastera mampu membentuk jati diri, semangat patriotik, dan rasa syukur dalam diri seseorang.

***TERIMA MANA-MANA ISI YANG RELEVAN**

4 DOMAIN KERJAYA

Juruterbang bertanggungjawab untuk mengendalikan pesawat dan memastikan semua aspek keselamatan dipatuhi mengikut Manual Operasi Penerbangan. Juruterbang juga perlu memeriksa kelengkapan dan peralatan elektronik di dalam pesawat, menyemak pelan penerbangan berdasarkan keadaan cuaca, suhu, kelajuan angin, dan berat pesawat semasa berlepas, serta keperluan bahan api yang secukupnya untuk penerbangan.

Sumber: *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*, Halaman 28

SOALAN

Anda bercita-cita untuk menjadi seorang juruterbang. Untuk menjadi seorang juruterbang yang berjaya, banyak aspek yang perlu diberi perhatian agar kapal terbang boleh terbang dengan selamat.

Tulis satu karangan tentang ciri-ciri yang perlu anda miliki untuk menjadi seorang juruterbang yang berjaya.

KEHENDAK SOALAN

1. Calon perlu menulis karangan tentang ciri-ciri untuk menjadi seorang juruterbang.
2. Ciri-ciri harus meliputi pelbagai aspek seperti aspek akademik, mental dan fizikal, serta minat / kecenderungan.
3. Jika calon hanya menghurai satu aspek sahaja. – **PERINGKAT KEPUJIAN**.
4. Calon perlu menyentuh maklumat yang diberikan dalam mana-mana perenggan. (**ikut kesesuaian**)

CADANGAN JAWAPAN

Ciri-ciri yang perlu dimiliki untuk menjadi juruterbang yang berjaya.

1. Mempunyai minat yang mendalam terhadap kerjaya juruterbang.
2. Mempunyai tahap fokus atau keyakinan yang tinggi, berani, dan cekap bertindak.
3. Boleh berkomunikasi dengan baik dan mempunyai komitmen yang tinggi.
4. Bertanggungjawab untuk mengendalikan pesawat dan memastikan semua aspek keselamatan dipatuhi mengikut Manual Operasi Penerbangan.
5. Memeriksa kelengkapan dan peralatan elektronik di dalam pesawat, menyemak pelan penerbangan berdasarkan keadaan cuaca, suhu, kelajuan angin, dan berat pesawat semasa berlepas, serta keperluan bahan api yang secukupnya untuk penerbangan.
6. Menerbangkan pesawat ke destinasi mengikut jadual dan prosedur penerbangan yang ditetapkan.
7. Menerima dan melaksanakan arahan pengawal trafik udara dari mula sehingga akhir penerbangan.
8. Mempunyai tahap kesihatan terbaik untuk menerbangkan pesawat.
9. Memilik kelayakan akademik yang diiktiraf untuk bertugas sebagai seorang juruterbang pesawat.

***TERIMA MANA-MANA ISI YANG RELEVAN**

PANDUAN PEMERIKSAAN TAMAT